

AKHBAR : BERITA HARIAN

TARIKH : 29 MAC 2023

SENTIMEN : POSITIF

MUKA SURAT : ONLINE

HARI : RABU



BERITA SUKAN DUNIA HIBURAN BISNES RENCANA WANITA HUJUNG MINGGU BH KAPSUL
NASIONAL KES POLITIK PENDIDIKAN WILAYAH

Kerajaan setuju lanjutkan pelepasan cukai SSPN hingga 2024

Oleh Zanariah Abd Mutualib - Mac 29, 2023 @ 1:00pm
zanariah_mutalib@bh.com.my



KUALA LUMPUR: Kerajaan bersetuju untuk melanjutkan **pelepasan cukai pendapatan** individu RM8,000 bagi simpanan bersih tahunan dalam Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) sehingga tahun 2024.

Keputusan itu diumumkan Datuk Seri Anwar Ibrahim di Dewan Negara hari ini, sehari selepas Ketua Pegawai Eksekutif Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN), Datuk Dr Mohd Nizom Sairi memaklumkan, pembayar cukai yang mencarum dalam SSPN tidak lagi layak menuntut pelepasan cukai individu hingga RM8,000 mulai Tahun Taksiran 2023.

Perdana Menteri yang mengumumkan demikian ketika membentangkan Rang Undang-Undang (RUU) Perbekalan 2023 bagi bacaan kali kedua di Dewan Negara, menegaskan beliau bersetuju melanjutkan pelepasan cukai berkenaan selepas mendengar keresahan disuarakan rakyat dan teguran kepada kerajaan.

"Jumlah ini bukan jumlah B40. Ini jumlah pendapatan orang yang lebih sederhana. Bagaimanapun, kerana maksudnya adalah pendidikan dan belanja pendidikan kian meningkat, sebab itu kita beri kelonggaran ini," katanya.

Semalam, Mohd Nizom pada satu sidang media, menjelaskan kerajaan membuat keputusan tidak lagi melanjutkan **insentif pelepasan cukai** ke atas simpanan SSPN susulan pelbagai alasan.

"Kerajaan sebelum ini, memang beri potongan cukai kepada pencarum SSPN sebagai galakan, terutama kepada ibu bapa untuk mencarum bagi pendidikan anak mereka dengan kemudahan ini disambung beberapa kali hingga 2022.

"Namun, ia dihentikan tahun ini. Kalau simpan (SSPN) tahun ini, tiada potongan cukai atau 'relief' pada tahun hadapan. Keputusan ini dibuat kerajaan atas dasar dan keadaan bersesuaian," katanya.

Bagaimanapun, pelbagai pihak tidak bersetuju dengan keputusan berkenaan, antara lain melahirkan rasa khuatir ia boleh **memberi implikasi besar**, terutama kepada keluarga daripada golongan pertengahan.

Sementara itu, Timbalan Menteri Kewangan, Datuk Seri Ahmad Maslan, berkata pelanjutan pelepasan itu memberi manfaat kepada hampir 400,000 pembayar cukai dalam kategori T20 dan M40.

Katanya, negara itu akan kehilangan hasil kira-kira RM250 juta untuk tempoh berkenaan.

Semalam Gabungan Pelajar Melayu Semenanjung (GPMS) mengatakan langkah kerajaan tidak melanjutkan insentif cukai ke atas SSPN sebagai keputusan ke belakang dan dikhuatiri memberi kesan kepada ibu bapa, khususnya dalam kelompok M40 untuk terus mencarum.

Presidennya, Muhd Fazreen Ismadi Fauzi, berkata kerajaan sepatutnya mengekalkan pelepasan cukai individu bagi pencarum SSPN sebagai galakan ibu bapa muda terutama M40 untuk menyimpan bagi tujuan pendidikan anak mereka.

<https://www.bharian.com.my/berita/nasional/2023/03/1083328/kerajaan-setuju-lanjutkan-pelepasan-cukai-sspn-hingga-2024>